

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 NOVEMBER 2013 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI belanja RM498.26 juta untuk penyelidikan	Bernamea.com
2	UniMAP menangi anugerah kualiti organisasi anjuran SIRIM	Bernamea.com
3	Gempa sederhana gegar Flores, Indonesia	Bernamea.com
4	Gempa bumi sederhana gegar Pulau W.Caroline, Micronesia	Bernamea.com
5	Pendekatan terhadap keselamatan jalan raya perlu diubah – Suret Singh	Bernamea.com
6	Penghantaran KFC mesra alam	Berita Harian
7	SISIPAN: Generating Prosperity Through Human Capital, SIRIM	New Straits Times



MOSTI Belanja RM498.26 Juta Untuk Penyelidikan

GEORGE TOWN, 15 Nov (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sudah membelanjakan RM498.26 juta setakat Ogos tahun ini bagi membiayai 1,256 projek penyelidikan.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata daripada jumlah itu 54 projek sudah siap, sembilan di peringkat prototaip, paten (69), hak cipta (8), penjenamaan (19), tiga di peringkat reka bentuk industri, manakala baki dalam pelbagai peringkat lain.

"Daripada jumlah projek yang diluluskan itu sebanyak 29 berjaya dikomersialkan dengan hasil RM18.28 juta dan menyediakan 2,817 peluang pekerjaan," katanya kepada pemberita, di sini Jumaat.

Menurut Abu Bakar, kerajaan juga berjaya mewujudkan 58.2 peratus saintis daripada 10,000 pekerja di negara ini, dan yakin sasaran 70 peratus saintis diwujudkan bagi setiap 10,000 pekerja menjelang 2020 dapat dicapai.

Selain itu katanya sebanyak 99 harta intelek berjaya dihasilkan manakala 107 penyelidikan yang dijalankan sudah diterbitkan dalam jurnal antarabangsa dan 12 dalam jurnal tempatan.

"Kita juga amat berbangga apabila 13 hasil produk dan penyelidikan yang dijalankan turut mendapat pengiktirafan daripada badan antarabangsa dan 28 yang lain mendapat pengiktirafan di peringkat nasional," katanya.

Terdahulu beliau merasmikan Festival Space Universiti Sains Malaysia (USM) 2013 yang berlangsung di kampus universiti itu di sini selama tiga hari bermula Khamis, membabitkan 32 buah sekolah dari wilayah utara.

Festival anjuran Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah (USM), Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat USM, Northern Skills Development Centre (NSDC), Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang itu turut menyediakan aktiviti seperti ceramah, bengkel, permainan dan persembahan.

-- BERNAMA



UniMAP Menangi Anugerah Kualiti Organisasi Anjuran Sirim

KANGAR, 16 Nov (Bernama) -- Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merangkul Anugerah Kualiti Organisasi kategori agensi kerajaan pada Anugerah Kualiti Sirim sempena Majlis Industri Sirim 2013 di Subang, Selangor pada Jumaat.

Anugerah itu merupakan inisiatif [Sirim Malaysia Berhad](#) bagi mengiktiraf organisasi yang mencapai tahap pengurusan kualiti dan produk cemerlang serta pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang menepati tahap piawaian kebangsaan dan antarabangsa.

Naib Canselor UniMAP Profesor Datuk Dr Kamarudin Hussin, ketika mengulas kejayaan itu, berkata anugerah berprestij berkenaan merupakan pengiktirafan terbaik bagi UniMAP kerana pengukurannya dibuat berlandaskan aspek kualiti.

"Pengukuran kualiti adalah sesuatu yang amat kompleks namun saya percaya kejayaan UniMAP turut berdasarkan kepada pelbagai pencapaian yang telah diraih UniMAP baik di peringkat nasional serta global," katanya.

Beliau berkata meskipun baru berusia 11 tahun, kejayaan yang diraih UniMAP membuktikan usia bukanlah penghalang bagi sesebuah organisasi atau agensi untuk menawarkan perkhidmatan ataupun barangan berkualiti.

"UniMAP selepas ini akan memberi tumpuan yang lebih bagi memastikan setiap unit dan jabatan universiti ini menerima pengiktirafan kualiti daripada Sirim," katanya.

[Anugerah itu disampaikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin pada majlis yang turut dihadiri Pengerusi Sirim Datuk Jamaliah Kamis.](#)

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 16 NOVEMBER 2013 (SABTU)



Gempa Sederhana Gegar Flores, Indonesia

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.0 pada skala Richter menggegarkan wilayah Flores di Indonesia pada 7.32 pagi Jumaat.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa itu berpusat di 123 kilometer dari timur laut Bima, Indonesia dan 1,251 km dari tenggara Sarikei, Sarawak.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

--BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 16 NOVEMBER 2013 (SABTU)



Gempa Bumi Sederhana Gegar Pulau W.Caroline, Micronesia

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.0 pada skala Richter menggegarkan Pulau W.Caroline, Micronesia, pada 9.09 pagi Jumaat.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa itu berpusat di 1,400km timur laut Bandaraya Tagum di Filipina dan 2,576km timur laut Kinabatangan, Sabah.

Menurut kenyataan itu, jabatan akan mengeluarkan maklumat tambahan mengenai gempa itu.

-- BERNAMA

